

PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN SISTEM 'TEMPLATE'  
SOAL SELIDIK BERASASKAN WEB  
(e-TEMPLATE QUESTIONNAIRE)

MUHAMMAD HELMI BIN HAJI ABU BAKAR

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUW HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUIS TTHO  
  
3 0000 00071089 1

**SCANNED**  
AVAILABLE ONLINE

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

**JUDUL : PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN SISTEM 'TEMPLATE'**

**SOAL SELIDIK BERASASKAN WEB**

**(e-TEMPLATE QUESTIONNAIRE)**

SESI PENGAJIAN : 2003/2004

Saya MUHAMMAD HELMI BIN HAJI ABU BAKAR (800713-04-5299)  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan kajian kes (PSM / Sarjana / Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat seperti berikut:

1. Kajian kes ini adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan kajian ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\* Sila tandakan (✓)


**SULIT**


(Mengandungi maklumat berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RASMI 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/Badan Penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

  
(TANDATANGAN PENULIS)


Disahkan Oleh:  
  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:  
**NO. 8582, TAMAN DATO' SETIA,**  
**RAMUAN CHINA BESAR,**  
**MASJID TANAH, 78300 MELAKA.**  
Tarikh : **10 SEPTEMBER 2003**

**DR. NORAINI BINTI KAPRAWI**  
Nama Penyelia  
Tarikh : **3 OKTOBER 2003**

- CATATAN: \* Potong yang tidak berkenaan  
\*\* Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.  
♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini  
adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Dan Vokasional”.

Tandatangan :   
Nama Penyelia : Dr. Noraini Binti Kaprawi  
Tarikh : 3 OKTOBER 2003

**PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN SISTEM 'TEMPLATE'  
SOAL SELIDIK BERASASKAN WEB  
(e-TEMPLATE QUESTIONNAIRE)**


**MUHAMMAD HELMI BIN HAJI ABU BAKAR**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

**Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**SEPTEMBER, 2003**

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :   
Nama Penulis : MUHAMMAD HELMI BIN HAJI ABU BAKAR  
Tarikh : 3 OKTOBER 2003

*Teristimewa buat....*

*Bonda tersayang, Puan Hajjah Sharifah Bte Othman  
Terima kasih di atas segala dorongan dan didikan selama ini.*

*In Loving Memory....*

*Ayahanda Tuan Haji Abu Bakar Bin Kamat....  
Semoga Allah S.W.T mencucuri rahmat ke atas rohmu...  
Dan semoga sentiasa berada di kalangan mereka yang beriman dan bertaqwa*

*Teman seperjuangan....*

*Anis, Intan, Moon, Kak Nita, Musa, Illa, Mazrul, Rusdi, Burnt, Mad, Sham, Shabri, Ayie,  
Ucup serta rakan-rakan Sarjana PTV Seksyen 3 Semester sesi 2003/2004.  
Terima kasih di atas segala sokongan dan tunjuk ajar...*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurnianya telah dapat saya menyempurnakan projek ini dalam masa yang telah ditetapkan. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Noraini Kaprawi, selaku penyelia saya yang telah banyak memberikan dorongan dan tunjuk ajar yang terbaik untuk saya dan rakan-rakan yang lain.

Jutaan terima kasih kepada setiap responden yang telah memberikan kerjasama yang terbaik untuk saya dalam usaha saya mendapatkan respon mengenai sistem yang telah dibangunkan ini. Selain daripada itu juga, ucapan terima kasih juga saya hулurkan kepada saudara Yuriny Adnan yang telah banyak membantu saya dalam pembangunan laman web ini dari awal sehinggalah akhir pembangunannya.

Selain daripada itu juga, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga saya kepada Puan Anis Safinaz, Cik Intan Shazilla, Cik Munirah, Cik Aneetha Asyecken dan rakan-rakan dari seksyen 3 sesi 2003/2004 serta penghuni Villa Teruna di atas kerjasama yang telah diberikan.

Sekian, terima kasih.



## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meninjau kebolegunaan dan tahap mesra pengguna terhadap *e-template* soal selidik. Fokus utama kajian ini adalah (i) menilai tahap kebolegunaan *e-template* soal-selidik dalam pembangunan soal selidik secara atas talian sebagai instrumen penyelidikan, (ii) menilai tahap kebolegunaan *e-template* soal selidik yang dibangunkan untuk proses pengumpulan data penyelidikan, (iii) menilai tahap keselamatan *e-template* soal selidik yang dibangunkan, (iv) menilai tahap mesra pengguna *e-template*, (v) menilai tahap keberkesanan *e-template* soal selidik dan (vi) menilai sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi pelajar dan pensyarah terhadap tahap keberkesanan *e-template* soal selidik berkenaan. Rekabentuk kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian tinjauan dan melibatkan kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif. Responden kajian ini terdiri daripada 10 orang pensyarah, 10 orang kakitangan am dan 30 orang pelajar yang terlibat dengan aktiviti penyelidikan. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik dan temubual. Kajian ini mengambil kira aspek keberkesanan *e-template* yang merangkumi tahap kebolegunaan sistem berkenaan dalam pembangunan borang soal selidik secara atas talian, kebolegunaan sistem dalam aspek pengumpulan data, tahap keselamatan data dan tahap mesra pengguna. Kajian ini menguji sama ada terdapat perbezaan persepsi pelajar dan pensyarah terhadap tahap keberkesanan *e-template* yang dibangunkan. Hasil daripada kajian mendapati tahap kebolegunaan dalam pembangunan soal selidik berada pada tahap tinggi iaitu dengan memperoleh skor min = 3.97. Tahap kebolegunaan untuk aktiviti pengumpulan data memperoleh skor min = 4.03. Manakala untuk tahap keselamatan skor min yang diperoleh adalah 3.95. Bagi tahap mesra pengguna skor min yang diterima adalah 3.85. Akhir sekali, tahap keberkesanan *e-template* memperoleh skor min 3.95. Kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar dan pensyarah terhadap *e-template* yang dibangunkan. Pembangun mencadangkan supaya laman web *e-template* ini dapat dimurnikan lagi dengan penambahan fungsi untuk menganalisis data. Ini kerana fungsi berkenaan tidak dapat dibangunkan.

## ABSTRACT

The aim of this study is to examine the usability and user-friendliness of the e-template questionnaire (web based template questionnaire). The focus of this study is to (i) examine the usability of e-template as a tool for instrument development for research study, (ii) examine the usability of e-template as a tool for collecting research data, (iii), examine the level of security in the e-template, (iv) examine the level of the user-friendliness of the e-template, (v) examine the level of the system's effectiveness that had been developed and lastly (vi) examine whether there is a significant difference between the perception of students and lecturers towards the effectiveness of the e-template questionnaires. The research design used in this research is based on the observation study, which involves both qualitative and quantitative survey. The respondent involved in this survey were 10 lecturers, 10 public services staff and 30 students that had involved in developing their own survey using the conventional or the electronic method. The instruments used in the research were questionnaire and interview. The levels of effectiveness are taken into consideration as one of the aspect to be examine during the study. The effectiveness of the system includes the usability of the system in developing the questionnaire form, the usability in the process of collecting data, the security level, and the user-friendliness of the system. This study also examined whether there were any differences between the perception of students and the lecturers who were involved in this study. The mean score for the usability of e-template as a tool for instrument development for research is 3.97. On the other hand, mean score for the usability of e-template as a tool for collecting research data, data security and user-friendliness is 4.03, 3.95 and 3.85 respectively. Finally, the mean score for the effectiveness of the system is 3.95. The finding also shows that there was no significant difference between the student and the lecturer's perception towards the effectiveness of the e-template questionnaire. Researchers recommended that this web system should have a function to analyze the data received from the respondent.

## KANDUNGAN

BAB	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
<b>I</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	8

1.6	Kerangka Teori	10
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Batasan Kajian	12
1.9	Definisi Konseptual dan Pengoperasian	12
1.9.1	Sistem	12
1.9.2	<i>Template</i> (Kerangka Web)	13
1.9.3	<i>e-Template</i> Soal Selidik	13
1.9.4	Laman Web	13
1.9.5	Interaktif	14
1.9.6	Kebolegunaan	14
1.9.7	Tahap Keselamatan	15
1.9.8	Mesra Pengguna	15
1.9.9	Keberkesanan	16
<b>II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1	Pendahuluan	17
2.2	Isu dan Cabaran Dalam Penyelidikan	18
2.2.1	Kepentingan Penyelidikan	19
2.2.2	Isu dan Cabaran Penyelidikan Serta Perkembangan Teknologi Hari Ini	21
2.3	Internet dan Penyelidikan	23
2.3.1	Pengumpulan Data Secara Elektronik dan Penyelidikan Atas Talian	24
2.4	Kerangka Soal Selidik Elektronik ( <i>e-Template</i> Soal Selidik)	27
2.5	Keberkesanan <i>e-Template</i> Soal Selidik	28
2.5.1	Kebolegunaan <i>e-Template</i>	29
2.5.2	Tahap Keselamatan	30
2.5.3	Tahap Mesra Pengguna	31
2.6	Sorotan Kajian Lepas	33
2.7	Kesimpulan	35

### III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	36
3.2	Rekabentuk Kajian	36
3.3	Sumber Data	37
3.3.1	Data Primer	37
3.3.2	Data Sekunder	38
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	38
3.4.1	Persampelan	39
3.5	Instrumen Kajian	39
3.5.1	Soal Selidik	40
3.5.2	Bahagian Soal Selidik	41
3.5.3	Temubual	42
3.6	Pengumpulan dan Pengelolaan Data	43
3.7	Kaedah Penganalisan	44
3.8	Kajian Rintis	45
3.9	Andaian	47

### IV REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN PRODUK

4.1	Pendahuluan	48
4.2	Metodologi Pembangunan Produk	49
4.2.1	Kajian Kesauran	51
4.2.2	Analisis Keperluan	51
4.2.3	Rekabentuk dan Spesifikasi	51
4.2.4	Pengekodan dan Pengujian <i>Template</i> Soalan Elektronik	52
4.2.5	Integrasi dan Pengujian	52
4.2.6	Operasi dan Penyelenggaraan	53
4.3	Keperluan Sistem	53
4.3.1	Keperluan Perkakasan	53
4.3.2	Keperluan Perisian	54

4.3.2.1	Macromedia Dreamweaver MX	55
4.3.2.2	Adobe Photoshop 6.0	55
4.3.2.3	Flash MX	56
4.3.2.4	Internet Explorer	56
4.3.2.5	Flash Player	57
4.4	Panduan Rekabentuk	57
4.4.1	Pengguna Sasaran	57
4.4.2	Objektif Laman Web	58
4.4.3	Rekabentuk Antaramuka Pengguna	58
4.4.4	Kandungan Laman Web	60
4.4.5	Rekabentuk Navigasi	60
4.4.6	Teks dan Grafik	62
4.4.7	Bahasa Perantaraan	62
4.4.8	Aspek Bantuan	63
4.4.9	Elemen-elemen Kosmetik yang Lain	63

## V ANALISIS

5.1	Pengenalan	65
5.2	Latar Belakang Responden	66
5.3	Prosedur Menganalisis Data	67
5.3.1	Soal Selidik	68
5.3.2	Temu bual	69
5.4	Dapatan Kajian	70
5.4.1	Persoalan kajian 1	70
5.4.2	Persoalan Kajian 2	71
5.4.3	Persoalan Kajian 3	73
5.4.3	Persoalan Kajian 4	74
5.4.5	Persoalan Kajian 5	76
5.4.6	Persoalan Kajian 6	77
5.4.7	Hasil Dapatan Kajian Melalui Temubual	79
5.5	Ulasan dan Komen	80
5.6	Kesimpulan	81

<b>VI</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN</b>	
6.1	Pengenalan	82
6.2	Perbincangan dan Kesimpulan	83
6.2.1	Latar Belakang Responden	83
6.2.2	Tahap Kebolegunaan <i>e-Template</i> Soal Selidik	84
6.2.3	Tahap Mesra Pengguna <i>e-Template</i> Soal Selidik	86
6.2.4	Tahap Keberkesanan Sistem <i>e-Template</i> Soal Selidik	88
6.2.5	Persepsi Pelajar dan Pensyarah Terhadap Tahap Keberkesanan <i>e-Template</i> Soal Selidik.	88
6.2.6	Kekangan Sistem <i>e-Template</i> Soal Selidik	89
6.3	Cadangan	89
6.3.1	Memasukkan Fungsi Analisis Kepada Sistem <i>e-Template</i> Soal Selidik	90
6.3.2	Tambah Jenis Soal Selidik	91
6.3.3	Tambahkan Jumlah Input Untuk Item Soal Selidik	91
6.3.4	Aspek Warna dan Grafik	92
6.4	Rumusan	93
	<b>RUJUKAN</b>	96
	<b>LAMPIRAN</b>	100

## SENARAI JADUAL

NO	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert	41
3.2	Kaedah Analisis Data Berdasarkan Kepada Persoalan Kajian	44
3.3	Nilai Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Berdasarkan Kepada Indikator Soalan	46
4.1	Perkakasan dan Fungsinya	54
5.1	Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jantina, Bangsa, Umur dan Pengalaman Menggunakan Sistem Soal Selidik Secara Atas Talian	66
5.2	Julat Tahap Kebolehgunaan Sistem <i>e-Template</i> Soal Selidik	69
5.3	Latar Belakang Responden Temu Bual Berkenaan <i>e-Template</i> Soal Selidik	69
5.4	Skor Min Tahap Kebolehgunaan <i>e-Template</i> Soal Selidik Dalam Membantu Pembangunan Soal Selidik Sebagai Instrumen Penyelidikan	70
5.5	Skor Min Tahap Kebolehgunaan <i>e-Template</i> Soal Selidik Yang Dibangunkan Untuk Proses Pengumpulan Data Penyelidikan	72
5.6	Skor Min Tahap Keselamatan <i>e-Template</i> Soal Selidik Yang Dibangunkan Untuk Proses Pengumpulan Data Penyelidikan	73



5.7	Skor Min Tahap Mesra Pengguna <i>e-Template</i> Soal Selidik Yang Dibangunkan	74
5.8	Skor Min Tahap Keberkesanan <i>e-Template</i> Soal Selidik Yang Dibangunkan	77
5.9	Perbezaan Persepsi Antara Pelajar dan Pensyarah Terhadap Tahap Keberkesanan <i>e-Template</i> Soal Selidik Yang Dibangunkan	78
5.10	Maklum Balas Daripada Responden	80

**SENARAI RAJAH**

<b>NO</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Teori Kajian	10
4.1	Model Air Terjun	50
4.2	Rekabentuk Laman Web	59
4.3	Rekabentuk Navigasi Web	61

**SENARAI SINGKATAN**

KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
IR1 Q1	-	<i>Interview Respondent One Question One</i>

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Lampiran A	Borang Soal Selidik	100
Lampiran B	Hasil Temubual	111
Lampiran C	Nama Responden Kajian Rintis	112
Lampiran D	Kebolehpercayaan Kajian Rintis	113
Lampiran E	Nilai Diskriptif Data Kajian	118
Lampiran F	Mann-Whitney Test	120

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Kepesatan dunia teknologi maklumat pada hari ini telah dapat memberikan pelbagai kemudahan yang terbaik bagi semua bidang atau disiplin yang terdapat di dalam sesebuah negara. Aplikasi internet adalah merupakan antara aplikasi teknologi maklumat yang dilihat berjaya mendominasi perkembangan dan pembangunan sesebuah bidang dalam negara berkenaan. Menurut Rozinah (2000), internet adalah merupakan antara alat yang dapat digunakan untuk mengakses maklumat dan pengetahuan secara global untuk pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Internet juga adalah merupakan antara jalan penghubung komunikasi antara satu pihak dengan pihak yang lain bagi berkongsi maklumat serta saling bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain. Ini dapat dipastikan dengan aplikasi internet yang lain yang dapat digunakan sebagai medium perhubungan. Antara aplikasi berkenaan adalah seperti mel elektronik, WWW, Telnet, *Gopher*, *Usenet* dan lain-lain lagi.

Sehubungan dengan aplikasi dan juga kemudahan yang disediakan di dalam internet, ianya telah dapat membantu setiap individu atau golongan masyarakat dalam menyelesaikan permasalahan mereka. Ini kerana internet dikatakan telah berjaya menyebarkan pengaruhnya di dalam pelbagai bidang yang terdapat di sesebuah negara iaitu seperti bidang ekonomi, pendidikan, penyelidikan, komunikasi, hiburan dan banyak lagi. Ini kerana internet pada hari ini mempunyai pelbagai bentuk maklumat serta aplikasi yang dapat menyokong setiap aktiviti atau proses yang dijalankan oleh setiap individu. Capaian yang mudah juga telah berjaya mempengaruhi setiap pengguna untuk menggunakannya se-optimum yang mungkin. Ini kerana internet pada hari ini telah dapat dicapai di seluruh pelosok dunia tanpa mengira had dan batasan geografi.

Sebagaimana yang telah kita sedia maklum, perkembangan dan kemajuan yang terdapat di dalam internet pada hari ini telah memberikan kredit kepada setiap bidang yang ada dalam sesebuah negara. Sebagai contoh, bidang penyelidikan umumnya telah mendapat tempas internet secara positif. Menurut Halan (2002), perkembangan internet pada hari ini telah memberikan impak kepada setiap bidang termasuk bidang penyelidikan. Umumnya bidang penyelidikan pada hari ini telah menjadi semakin mudah dengan bantuan aplikasi yang terdapat di dalam internet. Kemudahan penyelidikan melalui aplikasi internet ini mempunyai kelebihannya yang tersendiri. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Holly (2002), mendapati bahawa terdapat kebaikan dan kelebihannya yang tersendiri dalam penggunaan internet sebagai medium untuk penyelidikan, antaranya adalah seperti:

- i. Kadar respon yang diterima daripada responden adalah pantas dan cepat.
- ii. Data penyelidikan mudah untuk dianalisis.
- iii. Mudah untuk dihantar kepada responden.

Berdasarkan kepada kelebihan yang terdapat dalam penyelidikan yang berasaskan kepada internet ini, ianya seharusnya diambil kira sebaik mungkin bagi menjadikan bidang penyelidikan lebih menonjol dan sekali gus menggalakkan lagi pembabitan umum untuk menyertai penyelidikan secara langsung. Hal ini seharusnya diambil serius oleh setiap institusi pendidikan bagi melahirkan lebih ramai tenaga

penyelidik yang mampu membantu dalam meningkatkan prestasi bidang-bidang lain. Penggunaan internet serta teknologi terkini pada hari ini seharusnya diambil berat bagi membantu penyelidik dalam memperoleh data penyelidikan dengan lebih mudah dan cepat serta dapat mengurangkan kos.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Bidang penyelidikan adalah merupakan antara bidang yang semakin menjadi perhatian di sesebuah negara yang sedang membangun. Aspek penyelidikan dapat memberikan langkah terbaik dalam menangani masalah yang timbul. Selain daripada itu juga aktiviti penyelidikan banyak dijalankan bagi menemui bidang pengetahuan yang terkini. Menurut Majid (2000), melalui penyelidikan yang sistematik, hasil yang diperoleh sudah pasti boleh dipercayai dan berguna untuk meningkatkan ilmu pengetahuan membantu dalam membuat keputusan mengenai satu-satu permasalahan. Banyak penemuan baru telah berjaya dikemukakan oleh para penyelidik hari ini. Usaha ini dapat dilihat dengan jelas melalui penyelidikan yang dijalankan oleh ahli-ahli akademik di serata institusi pendidikan di negara ini. Menurut Idris (2003), kajian akan membantu dalam proses membuat perancangan dan keputusan atau menyediakan maklumat yang relevan. Sekali gus aktiviti ini telah berjaya menjadikan negara kita setanding dengan negara-negara membangun yang lain dan mampu mengecapi status negara maju satu hari nanti. Selain daripada itu, bidang penyelidikan ini juga berperanan penting dalam mendidik dan memenangi pandangan masyarakat berkaitan dengan projek-projek yang sedang dijalankan ataupun menjustifikasikan dan melariskan produk-produk tertentu (Abdul Latif Samian, 2000).

Perkembangan bidang penyelidikan di institusi pendidikan diterajui oleh para pensyarah dan juga pelajar yang menjadi pendukung kepada pembangunan institusi

pendidikan berkenaan. Hasil penyelidikan berkenaan dapat digunakan oleh masyarakat setempat untuk memajukan diri dan juga negara amnya. Bidang penyelidikan adalah meliputi pelbagai aspek, baik berbentuk tinjauan terhadap perubahan sikap dan tingkah laku seperti teori motivasi, ataupun penyelidikan melibatkan penemuan baru seperti formula. Menurut Najib (1999), terdapat banyak jenis penyelidikan, tetapi boleh dikategorikan kepada 3 bahagian iaitu pertama, penyelidikan menguatkan atau mengukur dan menilai sesuatu teori, kedua ialah berbentuk penemuan baru, sementara yang ketiga ialah penyelidikan program dan teori. Namun, walau apa pun bentuk penyelidikan yang dilakukan, yang pasti setiap satunya mempunyai matlamat pencapaian yang hampir sama, iaitu cuba mengupas sesuatu isu dan menyelesaikan masalah atau sekurang –kurangnya membawa perubahan kepada masyarakat. Menurut Wiersma (2000), penyelidikan dapat memberikan satu pendekatan ke arah pembangunan masyarakat dan kehidupan yang lebih baik. Hasil penyelidikan juga menjadi faktor utama dalam mengatasi permasalahan semasa yang timbul. Sebagaimana penyelidikan yang dijalankan oleh Ahmad Rafizi Salleh dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah dapat mengupas permasalahan yang timbul dalam penggunaan internet di negara ini. Beliau juga telah dapat mencadangkan beberapa alternatif untuk membantu permasalahan ini.

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, penyelidikan dan pembangunan yang bertaraf dunia mampu untuk melahirkan seorang individu profesional dan ahli teknologi yang berpengetahuan tinggi. Aspek penyelidikan adalah merupakan perkara utama bagi seseorang individu itu untuk memantapkan ilmu pengetahuan yang mereka peroleh. Melalui penyelidikan juga, seseorang individu itu mampu untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran baru yang dapat disalurkan untuk kegunaan bersama bagi memajukan negara ke tahap yang lebih cemerlang dalam pelbagai bidang.

Sehubungan dengan itu, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (KUiTTHO) tidak pernah ketinggalan dalam aspek penyelidikan. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada misi yang telah ditetapkan oleh KUiTTHO. Berikut adalah merupakan antara misi universiti yang telah ditetapkan: